

Tingkat penguasaan, jati diri bertutur bahasa Melayu

Cik Nor Athira Md Amin,
Guru Bahasa
Jabatan Bahasa
Melayu dan
Terjemahan,
Pusat Pengajian
Bahasa,
Universiti Tun
Hussein Onn
Malaysia (UTHM)

Perbincangan mengenai bahasa perlu dikaitkan dengan identiti budaya. Bahasa menjadi alat untuk memahami nilai dan warisan budaya yang terkandung dalam sesebuah bangsa.

Bahasa Melayu yang kaya dengan kesantunan mencerminkan bangsa penuh dengan budi bahasa melalui kehalusan dalam berbicara. Bahasa ibunda menjadi simbol dan tunjang kepada asal usul dan budaya.

Bahasa ibunda mencorakkan pemikiran dan kebijaksanaan orang Melayu seperti tersurat dalam sejarah. Berkomunikasi dalam bahasa Melayu antara cara menghargai bahasa ibunda. Dengan berbahasa ibunda jugalah dapat menghubungkan generasi lama dan baharu.

Wujud persepsi bahawa seseorang yang dapat menguasai bahasa asing akan dilabel sebagai bijak berbahasa. Tidak kurang juga ada mengangap seseorang menguasai bahasa asing, terlihat lebih moden dan profesional seperti penguasaan terhadap bahasa Inggeris.

Persepsi ini mengakibatkan bahasa Melayu dipandang rendah dalam kalangan penutur. Inilah dikatakan pengaruh bahasa asing dikaitkan dengan gaya hidup sekarang, seterusnya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa tidak moden sepanjang zaman. Persepsi ini perlu dikikis supaya bahasa Melayu tidak terhakis begitu sahaja.

Pada masa sama, ramai pengguna media sosial

sering menggunakan bahasa rojak atau slanga untuk menampakkan tulisan dan penggunaan bahasa lebih *trendy* serta mengikut peredaran semasa ini. Perkara ini pastinya akan mengurangkan keindahan bahasa Melayu.

Pertahan identiti bangsa Melayu

Apabila bahasa Melayu kurang dituturkan termasuk disebabkan perasaan rendah diri, ia akan menggugat penggunaan bahasa Melayu. Kesan ter-

Walaupun semua individu perlu berbangga dan mengangkat penggunaan bahasa Melayu, perkara ini tidaklah menolak penggunaan bahasa lain sebagai salah satu nilai tambah

hadap individu dapat dilihat daripada kosa kata berkurangan dan gaya bahasa seseorang menjadi lemah.

Kesan ini juga perlu dilihat dari aspek lebih besar, iaitu bangsa. Apabila kurangnya berbahasa Melayu, maka hari demi hari, identiti budaya akan pudar bersama nilai kesantunan bahasa.

Rentetan itu, kehalusan berbahasa seperti kata sapaan, kata panggilan mahupun ayat kiasan tidak lagi meniti di bibir mahupun penulisan.

Bahasa Melayu sepatutnya menjadi kebanggaan kepada penuturnya sendiri kerana ia bahasa kebangsaan dan rasmi negara. Hormati bahasa sendiri yang menjadi maruah bangsa. Jika tidak biasa menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi, maka wajarlah berlatih dan menggiatkan pelbagai cara dan strategi pelaksanaan.

Walaupun semua individu perlu berbangga dan mengangkat penggunaan bahasa Melayu, perkara ini tidaklah menolak penggunaan bahasa lain sebagai salah satu nilai tambah.

Siapa lagi yang akan mempertahankan bahasa ibunda bahasa Melayu, jika bukan dalam kalangan penuturnya sendiri yang berwarganegara Malaysia. Hal ini selaras dengan titah Yang di-Per-tuan Agong, Sultan Ibrahim, iaitu: "Kalau ada yang tidak terima Bahasa Melayu, lebih baik jangan duduk di Malaysia."

Maka, tuturkanlah bahasa Melayu sebagai tanda sayang akan bahasa ibunda rakyat Malaysia.